

Majlis Berbuka Puasa Dengan Pemimpin Pelajar

Seri Perdana Putrajaya, 5 Disember 2001

Saya bersyukur kerana pada malam ini saya berpeluang bertemu dengan kepimpinan baru persatuan penuntut Universiti.

Mereka yang hadir tentulah terdiri daripada yang menang dan kepada mereka saya ucapkan tahniah di atas kemenangan mereka.

Alhamdulillah hari ini kita berkumpul di sini di dalam majlis berbuka puasa. Kita telah pun berbuka puasa dengan buah kurma, kita telah makan juadah dan selepas itu kita telah menunaikan sembahyang Maghrib diikuti dengan makan malam dan diikuti pula dengan sembahyang Isya' dan kemudian diteruskan dengan sembahyang Terawih.

Kita lakukan semua ini dalam keadaan aman, tenang dan selesai. Harus kita ingat bahawa semasa kita berbuka puasa dalam keadaan yang umumnya selamat dengan makanan yang bukan sahaja cukup tetapi lebih daripada mencukupi, terdapat ramai orang Islam yang menderita.

Saudara seagama kita di Afghanistan kerap kali tidak pun mempunyai makanan, berada dalam musim sejuk ini tanpa pakaian yang bersesuaian dan diserang bukan sahaja oleh musuh tetapi juga penyakit. Mereka mungkin tidak dapat menunaikan ibadah puasa, sembahyang, sembahyang Terawih dan sebagainya.

Mereka menderita kerana ramai daripada mereka cedera terkena letupan bom yang dilontar oleh musuh-musuh mereka. Kita harus tanya kepada diri kita, mengapakah ini berlaku? Berlaku kepada orang yang pada pandangan sesetengah pihak adalah orang yang betul-betul Islam.

Mereka begitu kuat pegangan kepada agama, mereka sanggup mati kerana agama. Mereka sanggup menghadapi cabaran hidup dalam sebuah negara yang gersang yang kadang-kadang begitu panas dan kadang-kadang begitu sejuk. Tetapi iman mereka ternampak jelas cukup kuat.

Kita percaya bahawa pegangan mereka kepada agama Islam tentulah pegangan yang cukup kuat dan kita tidak percaya bahawa mereka akan ditimpa malapetaka sedangkan mereka adalah orang yang begitu kuat pegangan mereka kepada agama Islam.

Sementara kita berkata bahawa mereka begitu kuat pegangan kepada agama Islam, kita juga harus tanya apakah benar apa yang kita lihat? Kita lihat mereka dengan perkara tertentu. Kesemua daripada mereka mempunyai janggut yang lebat kerana

pemerintahan Taliban tidak membenarkan sesiapa mencukur janggut.

Kita lihat mereka selalu beribadat, sembahyang, wanita mereka ditutup sehingga tak nampak apa-apa pun. Dalam keadaan panas mereka tutup dengan pakaian yang dipaksa ke atas mereka tetapi semua ini adalah kerana kepercayaan mereka bahawa inilah ajaran Islam.

Tekanan ialah kepada perkara-perkara seperti janggut, serban, Burqa dan lain-lain, tetapi ajaran Islam kalau kita teliti sedikit, renung sedikit, berkehendakkan kita bersaudara. Orang Islam itu adalah bersaudara Innama mukminun na ikhwah.

Tetapi adakah orang-orang Islam ini menganggap orang Islam lain bersaudara? Yang pertamanya mereka berperang bukan untuk melawan orang bukan Islam, tetapi untuk melawan puak Mujahidin, iaitu Perikatan Utara kerana mereka ingin menjatuhkan Kerajaan Perikatan Utara ini.

Dan mereka berjaya menewaskan Perikatan Utara ini dan dalam proses itu mereka membunuh ramai daripada musuh- musuh mereka yang terdiri daripada orang Islam.

Tetapi di waktu (pemerintahan) Mujahidin ini juga, keadaan tidak lebih baik daripada Taliban. Mereka juga membunuh ramai daripada pengikut dan orang-orang Taliban yang bermusuh dengan mereka. Dalam pada itu mereka juga sering bergaduh sesama puak-puak mereka, keturunan mereka.

Mereka yang datang dari kawasan-kawasan lain, orang-orang Pushtun, orang Tajik, dan lain-lain, mereka sesama mereka sering bermusuh dan berperang dan membunuh sesama sendiri.

Apakah ini orang yang berpegang kepada agama Islam? Sedangkan Islam menyeru kita bersaudara, berbaik-baik, bersatu padu sesama orang Islam. Tetapi tidak ada perpaduan, tidak ada persaudaraan sesama orang Islam di Afghanistan. Mereka sering berperang sesama mereka. Dan hari ini kita lihat musuh Islam menyerang mereka dengan bom, dengan roket dan ramai daripada mereka yang cedera, ramai yang meninggal dunia, lebih ramai lagi daripada mereka yang terpaksa melarikan diri mereka ke negara jiran dalam keadaan cemas, tanpa kain baju, tanpa makanan, tanpa apa-apa harta benda dan sekarang ini mereka hidup merana di Pakistan. Dan tidak ramai daripada mereka yang akan dapat mengelak pelbagai jenis penyakit.

Inilah nasib yang menimpa orang Afghanistan. Sedangkan kita fikir inilah orangnya yang begitu kuat pegangan mereka kepada agama Islam, kenapakah nasib mereka sedemikian?

Hendaklah kita tanya kepada diri kita, kalau mereka betul-betul berpegang kepada ajaran Islam dan mengamalkan ajaran Islam, kenapakah ini menimpa ke atas mereka?

Kalau mereka tidak bermusuh sesama sendiri sebaliknya menganggap semua orang yang tinggal di Afghanistan ini sebagai saudara mereka, saudara seagama mereka dan mereka tidak berperang sesama sendiri dan negara mereka menjadi aman, percayalah, negara mereka akan dapat mencapai kemajuan dan mereka akan menjadi satu bangsa yang kuat.

Kalau mereka berusaha untuk menguasai ilmu yang penting bagi memperkayakan mereka dan memperkuat mereka, sudah tentu Afghanistan akan menjadi sebuah negara membangun yang kaya dan kuat. Dapat bukan sahaja melengkapkan pasukan tentera Islam dengan cukup alatan perang tetapi dapat juga mencipta dan mengeluarkan alatan peperangan untuk diri mereka. Dengan itu mereka akan menjadi sebuah negara yang kuat kerana mereka terdiri daripada orang yang begitu berani sekali.

Tetapi kita tahu bahawa mereka adalah satu negara yang amat miskin, amat lemah dan pemerintahan Taliban dengan mudahnya dapat ditumbangkan dengan bedilan meriam dan bom dan sebagainya.

Inilah yang berlaku kepada Afghanistan. Ia berlaku kerana Afghanistan lemah. Sementara itu satu bilion umat Islam melihat apa yang berlaku di Afghanistan dan tidak dapat membuat apa-apa. Selain daripada merayu supaya janganlah diserang Afghanistan, merayu kepada kuasa-kuasa asing, selain daripada membuat protes mungkin di negara sendiri dan cuba menjatuhkan kerajaan di negara sendiri, lebih daripada itu tidak dapat dibuat oleh orang-orang Islam yang seramai satu bilion.

Malapetaka ini jatuh ke atas kita kerana kita tidak pegang sebenarnya kepada ajaran Islam. Sementara kita bercakap berapi-api berkenaan nak berjihad dan sebagainya, nak berlawan dengan musuh, tetapi sebelum kita lawan dengan musuh kita berperang sesama sendiri dan kita halang segala usaha untuk menguatkan negara-negara Islam.

Kalau ada sahaja mana-mana negara Islam yang cuba dibangunkan oleh kerajaan, maka akan ada kumpulan tertentu yang akan mendakwa bahawa kerajaan itu tidak Islam, kerajaan itu sekular dan perlu dijatuhkan.

Dengan itu kerajaan itu tidak akan dapat membangunkan negara, dan negara Islam semuanya menjadi negara yang lemah.

Mungkin kita akan berkata bahawa kita akan menerima nasib yang lebih baik di akhirat. Dunia ini adalah untuk orang kafir dan akhirat adalah untuk kita. Tetapi kita belum dapat pasti akhirat untuk kita sedangkan kita tahu bahawa ramai daripada orang Islam tidak sebenarnya berpegang kepada ajaran agama Islam.

Mereka tidak berpelajaran, mereka bermusuhan sesama sendiri, mereka melempar fitnah kepada orang yang seagama dengan mereka, mereka membuat bermacam-macam angkara dalam negara Islam sehingga negara Islam tidak satu pun dapat mencapai kejayaan.

Kita harus ingat bahawa malapetaka yang menimpa orang Islam ini bukan boleh dikatakan sebagai kehendak Allah s.w.t., kerana kita tahu segala kebaikan sahaja yang datang dari Allah. Keburukan datang dari kelemahan orang Islam dan disebabkan oleh orang Islam sendiri. Janganlah berkata bahawa ini sudah ditakdirkan. Kalau kita tidak berusaha untuk menguatkan diri kita, kita akan terima padahnya, inilah yang kita lihat sekarang di Afghanistan.

Kita lihat sekarang ini di Palestin. Puak Yahudi dengan sewenang-wenangnya dapat menyerang Palestin dan tidak ada satu pun negara Islam yang mampu pergi menyelamatkan orang Islam di Palestin.

Apakah kita boleh berkata kita tidak berdosa kerana kita tidak dapat menakutkan musuh kita sedangkan agama kita menyuruh kita membuat persediaan untuk menggerunkan musuh-musuh kita?

Tetapi kita tidak. Kita tidak berbuat demikian kerana kita berpendapat bahawa memadai dengan kita menunaikan Fardu Ain dan kita berdoa meminta kepada tuhan dan lepas itu kita tidak buat apa satu pun untuk menyelamatkan diri kita. Dengan itu kita tidak selamat

Saudara saudari yang ada di Universiti sedang belajar. Saya yakin saudara saudari berada di Universiti kerana percaya bahawa pelajaran adalah sesuatu yang baik untuk saudara saudari, untuk bangsa dan negara kita dan agama kita. Terpulang lah kepada kita sendiri untuk memikirkan tentang tanggungjawab kita.

Kalau saudara saudari mengabaikan tugas yang diletak di bahu saudara saudari, sebaliknya saudara saudari menghabiskan masa belajar untuk perkara-perkara yang lain untuk melempar fitnah, untuk membuat tuduhan yang tidak berasas dan dengan itu pencapaian orang Islam di Malaysia ini begitu buruk sekali, dan nasib kita menjadi buruk di masa hadapan, kita

tidak boleh salahkan sesiapa. Kita perlu salahkan diri kita sendiri.

Sama-samalah kita fikir berkenaan dengan perkara ini. Saya bersyukur kerana saudara saudari masih sedar tentang tanggungjawab dan saya yakin saudara saudari tidak akan hampakan harapan bangsa, agama dan negara kita di Malaysia. Kita masih boleh buka puasa, sembahyang dalam keadaan tenang sedangkan ratusan ribu umat Islam yang menderita dan tidak dapat membuat ibadat seperti yang kita lakukan pada hari ni.

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.